KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	28.03.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			

Isnin 28.03.2022 | Harian Metro



TANGKAP layar seekor gajah sesat didapati berkeliaran di kawasan tepi jalan laluan Kuala Krai-Gua Musang berhampiran Kampung Paloh.

Gajah liar sesat di Kampung Paloh

Kuala Krai: Seekor gajah liar yang dipercayai tersesat dikesan berkeliaran di jalan Kuala Krai-Gua Musang berhampiran Kampung Paloh di sini, malam kelmarin.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan Mohamad Hafid Rohani berkata, pihaknya percaya kejadian berlaku disebabkan haiwan liar itu sudah ketiadaan kawasan rayau dan kekurangan makanan.

Katanya, anggota Perhilitan sudah membuat pemantauan bagi mengelak berlaku perkara yang tidak diingini sehingga mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

"Sejak akhir-akhir ini, kami kerap menerima aduan daripada penduduk yang sering kali terserempak dengan gajah liar yang berkeliaran di jalan Kuala Krai-Gua Musang.

"Kami kerap menerima aduan daripada penduduk yang sering kali terserempak dengan gajah liar yang berkeliaran di jalan Kuala Krai-Gua Musang"

Mohamad Hafid

"Justeru, orang awam dinasihatkan memaklumkan pihak berwajib jika mempunyai maklumat mengenai kejadian gajah liar berkeliaran untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, tular di media sosial sejak malam tadi berhubung video berdurasi 19 saat menunjukkan seekor liar gajah yang sedang melintas jalan di laluan Kuala Krai-Gua Musang.